



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**  
**ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL. 1/2024**

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi  
Pengarah Insolvensi Bahagian  
Pengarah Insolvensi Negeri  
Timbalan Pengarah Insolvensi  
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi  
Penolong Pengarah Insolvensi  
Pegawai Insolvensi Utama  
Ketua Cawangan  
Pegawai Insolvensi

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELEPASAN MELALUI PERAKUAN  
KETUA PENGARAH INSOLVENSI (SIJIL KPI) DAN PERTIMBANGAN  
BANTAHAN PEMIUTANG DI BAWAH AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada semua pegawai di Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) berhubung dengan tatacara pelepasan sijil KPI di bawah seksyen 33A Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] dan pertimbangan bantahan pemiutang di bawah seksyen 33B Akta 360 bertujuan meningkatkan kecekapan operasi kebankrapan supaya seragam dalam mentadbir kes.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengumumkan dasar baharu kerajaan semasa pembentangan belanjawan 2023 yang mahu memberikan peluang kedua kepada rakyat yang telah

diisyiharkan bankrap pada 24 Februari 2023. Dalam hal demikian, Mdl turut komited merealisasikan hasrat kerajaan dengan menambahbaik peruntukan undang undang di bawah Akta 360.

2.2 Sejajar dengan perubahan dasar kerajaan tersebut, penambahbaikan yang dibuat di bawah Akta 360 antaranya ialah peruntukan bagi pelepasan melalui sijil KPI iaitu penambahan perenggan 33B(2A)(e) dan (f) Akta 360 seperti yang berikut:

"(e) Bankrap yang tidak mampu menguruskan hal ehwal dirinya disebabkan oleh apa-apa keceluaran mental seperti takrifan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dan yang diperakukan oleh psikiatri dari hospital kerajaan; dan

(f) Bankrap berumur 70 tahun dan ke atas yang pada pendapat dan pertimbangan budi bicara Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) tidak berupaya untuk menyumbang kepada estet kebankrapannya."

2.3 Sehubungan dengan itu, Bahagian Kebankrapan telah mengkaji semula arahan-arahan KPI yang berkuat kuasa termasuk arahan bagi pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360. Ini bertujuan memastikan proses kerja pelepasan dalam pentadbiran kes kebankrapan adalah seiring dengan perubahan dasar kerajaan yang mensasarkan pelepasan bankrap sebanyak 130,000 kes pada tahun pelaksanaan dasar kerajaan MADANI pada tahun 2024.

### **3.0 PEMAKAIAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

3.1 Apabila PP&PP dalam kes kebankrapan diisyihar sebelum 6 Oktober 2017, Notis Kepada Pemutang Mengenai Niat Untuk Mengeluarkan Perakuan Pelepasan yang dikeluarkan hendaklah menggunakan Borang

51B selaras dengan Kaedah 194B Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 [P.U(A)199/1969].

3.2 Manakala bagi kes-kes yang diisyihar bankrap (PP&PP/BO) pada atau selepas 6 Oktober 2017, hendaklah menggunakan Borang 96 Kaedah 194 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 [P.U(A)305/2017] termasuk bagi notis kebankrapan yang dikeluarkan sebelum tarikh itu, bagi memulakan prosiding kebankrapan.

3.3 Di samping itu, Borang 96 juga hendaklah digunakan kepada kes-kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360 sama ada kes diisyihar bankrap sebelum atau selepas 6 Oktober 2017.

4.0 Penggunaan borang-borang yang tepat dijelaskan melaui jadual di bawah:

Borang / Tarikh Perintah	Borang 51B/ Borang 51C	Borang 96/ Borang 97
Tarikh PP&PP <b>sebelum</b> 6 Oktober 2017.	Terpakai kepada semua kes melainkan kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360.	Terpakai kepada kes di bawah kategori seksyen 33B(2A) Akta 360.
Tarikh BO pada atau <b>selepas</b> 6 Oktober 2017 (walaupun notis kebankrapan dikeluarkan sebelum 6 Oktober 2017).	Tidak terpakai.	Terpakai kepada semua kes.

## **5.0 KRITERIA PERTIMBANGAN BAGI KPI MELAKSANAKAN KUASA BUDI BICARA UNTUK PELEPASAN**

5.1 Seksyen 33A Akta 360 memperuntukkan kuasa budi bicara KPI untuk melepaskan bankrap daripada kebankrapan. Akan tetapi, pelaksanaan kuasa budi bicara KPI hendaklah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta 360 sebagaimana kehendak subseksyen 85(4) Akta 360.

5.2 Bagi KPI melaksanakan kuasa budi bicara untuk pelepasan bankrap di bawah seksyen 33A Akta 360, cawangan hendaklah menimbangkan kriteria seperti yang berikut:

- (a) tempoh pentadbiran kes hendaklah melebihi 5 tahun dari tarikh PP&PP atau BO;
- (b) tidak ada perintah mahkamah ke atas bankrap yang menghalang pelepasan; dan/atau
- (c) kes dalam kategori seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 33B(2A) Akta 360.

## **6.0 PELEPASAN TANPA BANTAHAN PEMIUTANG DI BAWAH SUBSEKSYEN 33B(2A)**

6.1 Cawangan hendaklah menimbangkan kes untuk pelepasan sekiranya bankrap merupakan dalam kategori seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 33B(2A) Akta 360 dan tertakluk kepada semakan dokumen seperti yang berikut:

6.1.1 kebankrapan disebabkan menjadi penjamin sosial:

- (a) Perjanjian Pinjaman; atau
- (b) Perjanjian Penjamin (*Guarantee Agreement*); atau

- (c) Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan; dan
  - (d) Penghakiman.
- 6.1.2 bankrap orang kurang upaya (OKU) - kad OKU/ pendaftaran OKU;
- 6.1.3 bankrap telah meninggal dunia:
- (a) salinan sijil kematian; atau
  - (b) carian nama dan kad pengenalan daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang menunjukkan maklumat bahawa bankrap telah meninggal dunia.
- 6.1.4 bankrap menghidap penyakit yang serius - laporan perubatan/ koresponden yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan menyatakan penyakit dan keadaan pesakit.

Kriteria Pelepasan - Perenggan 33B(2A)(e) Akta 360

- 6.2 Berhubung dengan pelepasan tanpa bantahan pemutang di bawah perenggan 33B(2A)(e) Akta 360, cawangan hendaklah menimbangkan kriteria tambahan lain, selain daripada kriteria am seperti yang berikut:
- 6.2.1 bankrap mengalami kecelaruan mental seperti takrifan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]. Senarai penyakit mental ialah seperti di **Lampiran A**;
- 6.2.2 terdapat pengesahan sama ada melalui laporan perubatan ataupun surat-menyurat daripada pakar psikiatri hospital kerajaan. Senarai hospital kerajaan yang menawarkan/menyediakan rawatan psikiatri di Malaysia ialah seperti di **Lampiran B**;

- 6.2.3 berdasarkan kepada laporan perubatan atau surat-menyurat yang diterima, pakar psikiatri mengesahkan bahawa bankrap tidak mampu menguruskan hal ehwal dirinya disebabkan mengalami kecelaruan mental (*mental disorder*); dan
- 6.2.4 permohonan bagi kategori ini hendaklah diterima daripada pihak selain bankrap.
- 6.3 Jika bankrap memegang kad OKU kategori kurang upaya mental, hendaklah menimbangkan pelepasan di bawah kategori perenggan 33B(2A)(b) Akta 360.

#### Kriteria Pelepasan - Perenggan 33B(2A)(f) Akta 360

6.4 Berhubung dengan pelepasan tanpa bantahan pemutang di bawah perenggan 33B(2A)(f) Akta 360, undang-undang menetapkan bahawa bankrap tidak berupaya untuk menyumbang kepada estet kebankrapannya. Maka, secara dasarnya kriteria pelepasan yang hendaklah dipertimbangkan ialah apabila bankrap tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri melalui apa-apa keterangan dokumen sokongan.

### **7.0 BIDANG KUASA PELAKSANAAN PELEPASAN DI PERINGKAT CAWANGAN**

7.1 Garis Panduan ini memberikan kuasa kepada cawangan untuk melaksanakan tatacara pelepasan selaras dengan subseksyen 70(3) Akta 360 seperti yang berikut:

7.1.1 Bagi tuntutan hutang yang diperaku dalam pentadbiran kes, terhad kepada jumlah seperti yang berikut:

- (a) cawangan diketuai PIN Gred L52 dan ke atas- ≤RM 50 juta;
- (b) cawangan diketuai PIN Gred L41/L44/L48 - ≤RM 30 juta;  
dan
- (c) cawangan diketuai KC Gred L32/L38/L40 - ≤RM10 juta.

7.1.2 Manakala kes dalam kategori seperti yang diperuntukkan dalam subsekyen 33B(2A) Akta 360, tidak ada had kepada jumlah tuntutan diperaku.

7.2 Tindakan pengeluaran notis niat untuk mengeluarkan perakuan di bawah seksyen 33A dalam borang 51B/ borang 96 (“notis niat”) ialah seperti yang berikut:

- 7.2.1 notis niat hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Negeri (PIN)/Penolong Pengarah Insolvensi Negeri (PPIN)/ Ketua Cawangan (KC);
- 7.2.2 PIN/ PPIN/ KC boleh mengarahkan pegawai mengikut kekanan jawatan di cawangan untuk menandatangani notis niat dengan memohon secara bertulis daripada ibu pejabat terlebih dahulu untuk kelulusan pemberian (*assign*) kuasa oleh KPI.

## **8.0 PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL PELEPASAN (JKP) SIJIL KPI DI PERINGKAT CAWANGAN**

8.1 Selaras dengan pemberian kuasa pelaksanaan pelepasan, Jawatankuasa Kecil Pelepasan (JKP) Sijil KPI hendaklah ditubuhkan di peringkat cawangan;

8.2 JKP hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang ahli yang mempunyai seorang pengurus dan dua (2) orang pegawai seperti jadual di **Lampiran C**. Sekiranya berlaku perubahan kepada ahli JKP atas apa-apa sebab, cawangan hendaklah mendapatkan arahan bertulis daripada ibu pejabat berkenaan dengan perubahan tersebut.

#### Tanggungjawab JKP

8.3 Menjalankan fungsi menimbangkan kes bagi tujuan pelepasan berdasarkan kepada kes-kes yang telah disasarkan oleh cawangan;

8.4 Menjalankan kuasa budi bicara KPI dengan membuat keputusan pengeluaran notis niat. Keputusan tersebut hendaklah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta 360 serta perundungan subsidiari, undang-undang bertulis lain yang berkaitan dan mengikut kepada arahan KPI yang berkuat kuasa.

8.5 Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam sebulan. Walau bagaimanapun, pengurus JKP boleh mengarahkan untuk mengadakan mesyuarat melebihi bilangan tersebut atau mengadakan mesyuarat khas, mengikut keperluan.

8.6 Keputusan mesyuarat JKP hendaklah diputuskan secara majoriti dan korum mesyuarat tidak kurang daripada tiga (3) orang.

#### **9.0 PEMBATALAN**

Arahan ini membatalkan arahan-arahan seperti yang berikut:

- (a) Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil.1/2000;
- (b) Arahan – Jabatan (Kebankrapan) Bil. 4/2007;

- (c) Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 9/2015;
- (d) Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2020;
- (e) Adendum Ke Atas Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2020;
- (f) Adendum Kedua Ke Atas Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2020;
- (g) Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2021;
- (h) Adendum Ke Atas Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2021;
- (i) Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil.1/2022; dan
- (j) Garis Panduan Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) Di Bawah Seksyen 33A Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] Dan Seksyen 33B(2A) Akta 360 bertarikh 6 Oktober 2023.

#### **10.0 PERMULAAN KUAT KUASA**

Arahan ini berkuat kuasa mulai pada 2 Januari 2024.

  
**(M. BAKRI BIN ABD MAJID)**

Ketua Pengarah Insolvensi  
Jabatan Insolvensi Malaysia, Putrajaya.  
Tarikh : 2 - 1 - 2024

## **LAMPIRAN A**

### **SENARAI PENYAKIT MENTAL**

#### **1. Organic Mental Disorder yang serius dan kronik**

- Dementia in Alzheimer's disease
- Vascular dementia
- Other mental disorders due to brain damage and dysfunction and to physical disease

#### **2. Schizophrenia, Schizotypal and Delusional Disorders**

- Schizoaffective Disorders;
- Persistent Delusional Disorder; and
- Other non organic psychotic disorders

#### **3. Mood Disorder**

- Bipolar affective disorder;
- Recurrent depressive disorder;
- Persistent mood disorders; and
- Other mood disorders.

#### **4. Severe Anxiety Disorder**

- Phobic Anxiety disorders (Fobia),
- Panic disorder;
- Generalized anxiety disorder;
- Mixed anxiety and depressive disorder; dan
- Obsessive Compulsive Disorder (OCD)

Sumber Rujukan : Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat

## **LAMPIRAN B**

### **SENARAI 67 HOSPITAL (Termasuk 4 Institusi Mental dan 1 Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri) DENGAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN PSIKIATRI**

1. Perlis (1)
  1. Hosp. Tuanku Fauziah, Kangar
2. Kedah (4)
  1. Hosp. Sultanah Bahiyah, Alor Setar
  2. Hosp. Sultan Abdul Halim, Sg. Petani
  3. Hosp. Kulim
  4. Hosp. Langkawi
3. Pulau Pinang (3)
  1. Hosp. Pulau Pinang
  2. Hosp. Bukit Mertajam
  3. Hosp. Seberang Jaya
4. Perak (6)
  1. Hosp. Raja Permaisuri Bainun, Ipoh
  2. Hosp. Taiping
  3. Hosp. Teluk Intan
  4. Hosp. Seri Manjung
  5. Hosp. Slim River
  6. Hosp. Bahagia, Ulu Kinta (Institusi)
5. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (3)
  1. Hosp. Wanita Dan Kanak-Kanak Tuanku Azizah, Kuala Lumpur\*
  2. Hosp. Putrajaya
  3. Hosp. Kuala Lumpur
6. Wilayah Persekutuan Labuan (1)
  1. Hosp. Labuan
7. Selangor (9)

1. Hosp. Tengku Ampuan Rahimah, Klang
  2. Hosp. Ampang
  3. Hosp. Shah Alam
  4. Hosp. Kajang
  5. Hosp. Selayang
  6. Hosp. Serdang
  7. Hosp. Sg. Buloh
  8. Hosp. Banting
  9. Hosp. Cyberjaya\*
8. Negeri Sembilan (3)
1. Hosp. Tuanku Jaafar Seremban
  2. Hosp. Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah
  3. Hosp. Port Dickson
9. Melaka (1)
1. Hosp. Melaka
10. Johor (7)
1. Hosp. Sultanah Aminah, Johor Bahru
  2. Hosp. Batu Pahat
  3. Hosp. Sultan Ismail
  4. Hosp. Pakar Sultanah Fatimah, Muar
  5. Hosp. Enche Besar Hajjah Khalsom, Kluang
  6. Hosp. Segamat
  7. Hosp. Permai (Institusi)
11. Pahang (5)
1. Hosp. Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
  2. Hosp. Sultan Hj. Ahmad Shah, Temerloh
  3. Hosp. Bentong
  4. Hosp. Kuala Lipis
  5. Hosp. Pekan\*
12. Terengganu (5)
1. Hosp. Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu
  2. Hosp. Kemaman
  3. Hosp. Besut
  4. Hosp. Dungun
  5. Hosp. Hulu Terengganu (Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri)
13. Kelantan (4)
1. Hosp. Raja Perempuan Zainab 11, Kota Bharu
  2. Hosp. Kuala Krai
  3. Hosp. Tanah Merah
  4. Hosp. Gua Musang\*

**14. Sarawak (9)**

1. Hosp. Umum, Kuching
2. Hosp. Bintulu
3. Hosp. Miri
4. Hosp. Sibu
5. Hosp. Limbang\*
6. Hosp. Seri Aman
7. Hosp. Serian\*
8. Hosp. Sarikei\*
9. Hosp. Sentosa (Institusi)

**15. Sabah (6)**

1. Hosp. Queen Elizabeth
2. Hosp. Sandakan
3. Hosp. Tawau
4. Hosp. Keningau
5. Hosp. Mesra, Bukit Padang (Institusi)
6. Hosp. Lahad Datu\*

**LAMPIRAN C****JADUAL KEAHLIAN JAWATANKUASA KECIL PELEPASAN (JKP) SIJIL KPI**

<b>Jabatan Insolvensi Negeri / Cawangan</b>	<b>Pengerusi JKP</b>	<b>Ahli 1</b>	<b>Ahli 2</b>
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Kanan Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Selangor	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Kanan Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Johor	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Kanan Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Pulau Pinang	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Perak	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Pahang	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan II
Kelantan	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Sabah	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Terengganu	Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I	Pegawai Insolvensi Kanan II

Sarawak	Pengarah Insolvensi Negeri	Penolong Kanan Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I
Kedah	Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I	Pegawai Insolvensi Kanan II
Negeri Sembilan	Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I	Pegawai Insolvensi Kanan II
Melaka	Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I	Pegawai Insolvensi Kanan II
Muar	Ketua Cawangan (Pegawai Insolvensi Kanan I)	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi Kanan II
Perlis	Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi
Taiping	Ketua Cawangan (Pegawai Insolvensi Kanan I)	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi
Miri	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan I	Pegawai Insolvensi Kanan II
Temerloh	Ketua Cawangan (Pegawai Insolvensi Kanan I)	Pegawai Insolvensi	Pegawai Insolvensi
Tawau	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi
Sandakan	Penolong Pengarah Insolvensi Negeri	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi
Sibu	Ketua Cawangan (Pegawai Insolvensi Kanan II)	Pegawai Insolvensi Kanan II	Pegawai Insolvensi

